

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA MELAKA**

**RANCANGAN PERNIAGAAN DELIMA  
ENTERPRISE**

**DISEDIAKAN UNTUK :**

**TUAN HAJI AHMAD B.WAHID  
PENSYARAH ASAS KEUSAHAWANAN  
(ETR 300)**

**DISEDIAKAN OLEH :**

<b>AZNOR MOHD YUSOF</b>	<b>97107927</b>
<b>NOR AZIMIN ABDUL RAZAK</b>	<b>97218539</b>
<b>SITI AISHAH BUYONG</b>	<b>97154196</b>
<b>ZARINA MOHD SARIP</b>	<b>97236140</b>
<b>NORYANTY SHAMSUDIN</b>	<b>97206110</b>

**DIPLOMA PENGURUSAN BANK (DIB 5C)**



# INSTITUT TEKNOLOGI MARA

## CAWANGAN MELAKA

MARA INSTITUTE OF TECHNOLOGY

Tarikh: 15hb. Julai 1999  
Surat Tuan:  
Surat Kami: 100-CM(AKA 37/B)

Km 26, Jalan Lendu, 78000 Alor Gajah Melaka  
Tel No: 06-565241, 565341, 565342, 565770, 565771  
Telefax: 06-563963  
06-5591067

### KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan,

Sukacita dimaklumkan bahawa pelajar-pelajar yang tersenarai namanya di bawah adalah pelajar Kursus Diploma In Banking Studies di Institut Teknologi MARA, Melaka. Mereka telah ditugaskan untuk membuat penyelidikan sebagai memenuhi syarat matapelajaran mereka.

Bil.	Nama Pelajar	No. ITM
1.	Aznor b. Mohd. Yusof	97107927
2.	Nor Azimin b. Abd. Razak	97218539
3.	Siti Aishah bt. Buyong	97154196
4.	Zarina bt. Mohd Sarip	97236140
5.	Noryanty bt. Shamsudin	97206110

Sukacita saya sekiranya dapat tuan membantu mereka dengan maklumat-maklumat yang berkaitan untuk menjayakan projek kajian mereka. Segala maklumat yang diperolehi akan digunakan semata-mata untuk tujuan akademik dan tidak akan disebarikan kepada umum.

Kerjasama tuan saya dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,

**ASMAH H.J. ZAINUDDIN**

Ketua Kursus DIB

ITM Melaka.

b/p Provos

Kumpulan projek ETR 300  
Diploma pengurusan Bank  
Universiti Teknologi Mara  
Cawangan Melaka  
78000 Alor Gajah  
Melaka

Tuan Haji Ahmad b. Wahid  
Pensyarah Asas Keusahawanan  
Universiti Teknologi Mara  
Cawangan Melaka  
78000 Alor Gajah  
Melaka

8 Oktober 1999

Tuan,

PENYERAHAN LAPORAN RANCANGAN PERNIAGAAN (ETR 300)


Sehubungan dengan perkara di atas, kami;

1. Aznor Mohd Yusof
2. Nor Azimin Abdul Razak
3. Siti Aishah Buyong
4. Zarina Mohd Sarip
5. Noryanty Shamsudin

Dengan sukacitanya menyerahkan laporan Rancangan Perniagaan bertajuk “Perkhidmatan Sewa Beli Teksi”, sebagai memenuhi keperluan akhir mata pelajaran ETR 300.

2. Rancangan perniagaan ini disediakan sebagai tapisan awal bagi kami untuk menjalankan sebuah perniagaan di masa hadapan di samping mendapatkan kepercayaan daripada pihak-pihak yang terlibat seperti bank dan lain-lain.
3. Laporan ini mengandungi pengenalan, tujuan, latar belakang perniagaan, rancangan pemasaran, operasi, organisasi serta kewangan. Kami menyertakan lampiran-lampiran dan dokumen yang berkaitan bagi laporan ini.

Akhir kata kami berharap agar Tuan Haji Ahmad Wahid berpuas hati dengan Rancangan Perniagaan ini dan perhatian yang sewajarnya daripada pihak tuan didahului dengan jutaan terima kasih.



AZNOR MOHD YUSOF  
Ketua projek “Dlima Enterprise”

## **1.0 PENGENALAN.**

Sejajar dengan pembangunan pesat dan penambahan penduduk yang tinggi, bidang perniagaan telah mengalami perubahan yang positif, di mana semakin ramai golongan bumiputera menceburi bidang ini yang terdiri daripada pelbagai jenis perniagaan. Walaupun di saat ini negara mengalami kegawatan ekonomi, namun perniagaan masih di teruskan terutamanya perkhidmatan bagi memenuhi permintaan pengguna.

Setelah penyelidikan di buat, kami telah mengambil kata sepakat untuk menubuhkan "Delima Enterprise" iaitu sebuah perniagaan yang menawarkan perkhidmatan teksi kepada pengguna. Bidang ini menjadi pilihan utama kami kerana ianya mempunyai potensi yang tinggi bagi mengatasi masalah kekurangan di dalam sektor perkhidmatan khususnya di dalam bidang pengangkutan awam.

Perniagaan ini akan dijalankan pada 1 Januari 2001. Ia akan di jalankan secara perkongsian di mana rakan kongsi adalah terdiri daripada lima orang. Operasi yang di jalankan oleh perniagaan ini ialah perkhidmatan. Setelah bersepakat kami kami telah menetapkan modal sebanyak RM 230,735 di mana ia di perolehi daripada rakan kongsi sebanyak RM 46147 seorang.